

Utamakan projek tebatan banjir - Shahrir

Oleh ANGELINA SINYANG

pengarang@utusan.com.my

■ KUCHING 25 JAN.

KELAB Penyokong Barisan Nasional (BNBBC) mahu projek pembinaan tebatan banjir dan longkang diberi perhatian oleh kerajaan bagi memastikan bencana banjir yang membawa kerugian besar seperti di beberapa negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dapat diatasi pada masa depan.

Pengerusinya, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, hasil lawatan ke kawasan dilanda banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak semasa menjalankan misi bantuan mendapati kemudahan asas itu amat diperlukan memandangkan punca utama banjir disebabkan masalah aliran air yang tidak lancar.

Beliau berkata, bencana itu yang melanda negara kali ini amat serius, mengakibatkan kerugian mencecah ratusan juta ringgit apabila ramai penduduk kehilangan harta benda termasuk kediaman.

"Bagi mengelak masalah sama berulang, maka amat perlu kawasan penempatan rendah yang mudah dinaiki air dibina tebatan banjir dan ditambah baik sistem perparitan.

"Sebelum ini memang kerajaan sudah meluluskan pembinaan

projek tebatan banjir di beberapa kawasan di seluruh negara tetapi banyak yang belum dilaksanakan sehingga kini.

"Justeru, BNBBC akan membawa isu ini dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di Parlimen pada 9 Mac nanti," katanya kepada pemberita ketika ditemui dalam Program Misi Bantuan Kebajikan BNBBC Malaysia di Balai Raya Kampung Simpok, Jalan Padawan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar merangkap Ahli Parlimen Mambong, Datuk Seri James Dawos Mamit; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tarat, Roland Sangah Wee Inn; Ahli Parlimen Samarahan, Rubiah Wang; Bendahari BNBBC, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim; Pengerusi Yayasan Artis 1Malaysia, Datuk DJ Dave dan Ketua Kampung Simpok, John Jingut Simun.

Shahrir berkata, projek tebatan itu perlu dilaksanakan segera walaupun memerlukan peruntukan besar seperti kerajaan membina Mass Rapid Transit (MRT) di Lembah Klang kerana manfaat pembinaannya cukup besar bagi tempoh jangka panjang.

Dalam pada itu, beliau turut memuji langkah kerajaan Sarawak membina pintu kawalan air, Kuching Barrage di Sungai Sarawak yang

terbukti berjaya mengelak berlaku kejadian banjir besar.

"Pembinaan Kuching Barage seperti terdapat di negara-negara Eropah termasuk England wajar dicontohi oleh negeri-negeri lain di Malaysia, begitu juga dengan langkah Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem yang bertindak tegas menghalang kegiatan penebangan balak secara berleluasa dan tidak terkawal di Sarawak," ujarnya.

Terdahulu, beliau memberitahu, Kampung Simpok terletak dalam Parlimen Mambong merupakan kawasan Parlimen ketiga di Sarawak yang dikunjungi BNBBC bagi menyampaikan misi bantuan banjir selepas Limbang dan Samarahan.

Kampung Simpok yang mempunyai lebih 5,000 penduduk daripada kira-kira 600 keluarga paling teruk terjejas dalam banjir di negeri ini apabila 268 rumah ditenggelami air, manakala 1,051 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara.

Walaupun tidak semua penduduk menjadi mangsa banjir, semua isi rumah di kampung itu mendapat bantuan berupa barangan makanan yang disumbangkan oleh BNBBC manakala James Dawos dan Roland Sangah masing-masing menyumbangkan wang RM10,000 dan RM5,000 untuk diagihkan kepada penduduk terlibat.



SEBAHAGIAN daripada penduduk Kampung Simpok beratur untuk menerima bantuan dalam Program Misi Bantuan Kebajikan BNBBC Malaysia di Balai Raya Kampung Simpok, Kuching, Sarawak, semalam. - UTUSAN/MOHAMAD GUSTIE NOGRAMBIA